

### Pelawaan berbuka puasa terpahat di ingatan



AISHAH GHANI

Oleh FAUZHIAH AROF

"PERKARA yang paling sukar saya lupa mengenai Dr. Mahathir ialah beliau pernah memelawa saya berbuka puasa bersama keluarganya di Kedah semasa kami bertugas ketika Pilihan Raya kecil pada tahun 70-an di sana.

"Bagi kebanyakan orang, pelawaan ini mungkin nampak biasa sahaja tetapi bagi saya, keprihatinan dan keikhlasan beliau ketika itu membuatkan saya ada kalanya sebak apabila mengenangkan beliau," jelas veteran UMNO, Tan Sri Aishah Ghani ketika memulakan bicaranya, mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Aishah yang kini melangkaui usia 79 tahun memberitahu, ketika itu beliau dan Dr. Mahathir merupakan Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Tidak terlintas difikirannya ketika itu, Dr. Mahathir akan memelawanya berbuka puasa kerana beliau (Aishah) bukan kenalan rapat Dr. Mahathir.

"Ketika itu hanya saya seorang MT wanita yang bekerja untuk pilihan raya. Mungkin beliau tidak sampai hati melihat saya berbuka puasa bersendirian," katanya.

Masih terbayang di mata beliau, bagaimana mesra Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melayan beliau ketika berbuka puasa di rumah mereka ketika itu. Masa itu, Marina dan Mukhriz (anak Dr. Mahathir) masih kecil lagi," katanya mengingatkan detik silam itu.

Hingga ke hari ini kata Aishah, sikap Dr. Mahathir dan keharuan terhadap beliau Mahathir juga amat menghormati orang tua dan tidak sombong.

"Layanan Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah kepada saya masih lagi seperti dulu, walaupun mereka sudah menjadi orang penting negara," katanya.

Tidak pernah Dr. Mahathir atau Dr. Siti Hasmah tidak menyapa beliau apabila berjumpa atau terserempak dalam sesuatu majlis.

"Mereka tidak pernah lupa diri dan sombong... itulah yang saya paling sanjungi mengenai sikap mereka," katanya.

#### Bertepuk-tampar

Menurut Aishah, beliau mengenali Dr. Mahathir tetapi bukanlah sebagai kawan yang boleh 'bertepuk-bertampar'.

Kata Aishah, beliau pun tidak pernah nampak Dr. Mahathir 'bertepuk-bertampar' dengan sesiapa.

Dr. Mahathir amat sederhana dan tidak berlebih-lebih dalam apa jua perbuatannya.

"Saya amat menghormati beliau. Sejak dulu lagi Dr. Mahathir telah menunjukkan sifat kepimpinannya yang ulung," katanya.

Mengimbas masa silam, Aishah berkata, Dr. Mahathir seorang pemimpin yang bersuara lantang dalam memberikan pendapat-pendapatnya bagi memperjuangkan nasib rakyat.

"Walaupun beliau mempunyai personaliti yang tidak banyak cakap tetapi Dr. Mahathir rajin bekerja dan bersuara lantang dalam perjuangannya," katanya.

Aishah berkata, ketika itu, Dr. Mahathir dan Datuk Harun merupakan dua pemimpin yang begitu lantang bersuara.

"Mungkin sebab itu beliau (Dr. Mahathir) pernah tersingkir dalam UMNO kerana ada pihak tidak suka dengan sikap agresif beliau," katanya.

Masa Dr. Mahathir tersingkir dari UMNO, kata Aishah ramai yang terkejut dan kecewa termasuk beliau sendiri. Aishah menyifatkan penyingkiran Dr. Mahathir ketika itu, membuatkan UMNO agak goyah.

"Apabila beliau ada, kita semua merasa kuat tetapi apabila beliau hilang... perjuangan terasa hambar tanpa suara beliau.

"Saya menngis ketika itu mengenangkan kesungguhan beliau yang benar-benar ingin berjuang untuk rakyat tetapi akhirnya diketepikan. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

"Dr. Mahathir mungkin merupakan orang yang amat kecewa ketika itu... tetapi alhamdulillah, tuhan menyebelahi beliau. Tengoklah, apa yang telah dilakukan untuk kita semua sekarang," katanya.

Apabila Dr. Mahathir diterima semula, Aishah merasa amat gembira dan bersyukur dan menyifatkan ia seperti pahlawan Melayu turun semula ke gelanggang.

"Kini, kita akan kehilangan beliau semula... saya merasa amat sedih tetapi kita harus menghormati keputusan beliau dan memberikan ruang kepada pemimpin kita itu mempunyai masa untuk diri sendiri dan keluarga nya," kata Pengerusi Tetap Wanita UMNO itu.

# Kad istimewa

Oleh NORZAHIZAN ISMAIL

PENDERMA hati, Muhammad Nasir Zakaria, 24, tidak menduga pengorbanannya menderma sebahagian daripada hati untuk menyelamatkan Mohd. Fakhru Radzi Rosdi pada November lalu dihargai ramat.

Malah ada yang ingin menghulur bantuan kewangan tetapi anak muda itu menolak dengan baik kerana niatnya ingin menyelamatkan pesakit kronik itu.

"Saya tidak menerima satu sen pun dari mana-mana pihak dan saya hanya meminta mereka mendoakan agar Adik Fakhru dan saya cepat sembuh.

"Namun saya sama sekali tidak menduga menerima satu kad yang paling istimewa iaitu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali," katanya mengimbau kembali saat-saat menerima kad ucapan semasa masih terlantar di hospital.

Nasir tidak sangka pemimpin dan wanita pertama negara itu masih dapat meluangkan masa yang begitu sibuk menulis kepadanya memberi kata

perangsang dan nasihat. Kad ditulis sendiri Dr. Siti Hasmah berbunyi:

"Saudara Nasir Zakaria yang dimuliakan, Terlebih dahulu saya suami isteri mengucapkan setinggi tahniah atas sumbangan sukarela sebahagian daripada organ hati saudara untuk menyelamatkan nyawa adik Mohd. Fakhru.

Dengan ini jua, kami bersyukur ke hadirat Illahi atas kejayaan dan keselamatan pembedahan yang dilakukan oleh SJMC atas saudara berdua.

Saudara adalah penderma hati yang kedua dalam negara yang kami sanjung tinggi. Sumbangan saudara itu adalah cukup mulia dan tidak ternilai dari segi apa pun. Syabas dan tahniah!

Kami berdoa semoga Allah SWT memulihkan saudara dengan secepat mungkin supaya saudara sihat, segar semula dan boleh pulang nanti untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Berhati-hatilah saudara dan ikutilah nasihat Pakar Pembedahan apabila balik nanti. Selamat Berhari Raya dan semoga sihat semula.

Salam Ikhlas:

UM 31/10/2003 - 59 PRECISE

"Jelas sekali keprihatinan dan keikhlasan pemimpin negara wanita pertama yang disanjung dan dihormati rakyat Malaysia. "Saya tahu Perdana Menteri dan isteri sentiasa sibuk namun dalam kesibukan itu masih mengambil berat tentang rakyat, itu adalah satu keistimewaan pemimpin negara kita itu dan saya amat menghargainya," ujar Nasir.



MUHAMMAD NASIR ZAKARIA

## MENERAJUI NEGARA KE PUNCAK KEGEMILANGAN

Kami menyanjung kepimpinan bervisi Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Kepimpinanmu telah mendorong pelbagai kejayaan yang memartabatkan Malaysia di arena antarabangsa. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y.A.B. Dato Seri di atas visi luhur dan idealismemu yang telah memberi inspirasi kepada generasi kini dan masa hadapan.

daripada

Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Warga Kerja

**Golden Hope**  
GOLDEN HOPE PLANTATIONS BERHAD (29992-U)